

Cagamas terbit bon, suku RM710j

Oleh AFIQ MOHD. SHAH

afiqsyahmi.shah@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perbadanan gadai janji Malaysia, Cagamas Berhad mengumumkan penerbitan agregat bernilai RM710 juta merangkumi Kertas Komersial Islamik (ICP) sejumlah RM300 juta dan Kertas Komersial Konvensional (CCP) sebanyak RM300 juta.

Ia juga termasuk Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) Setahun RM55 juta dan juga CMTN tiga tahun pada kadar RM55 juta.

Hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan untuk membiayai pembelian pembiayaan rumah, pinjaman perumahan dan sewa beli industri daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong berkata, kesimpulan kejayaan transaksi menunjukkan keyakinan berterusan terhadap kertas Cagamas.

"Ia juga disokong oleh pasaran bon domestik yang kukuh dan berdaya tahan."

"Kami bersemangat memulakan tahun ini dengan kesimpulan transaksi yang berjaya

Cagamas 

National Mortgage Corporation of Malaysia

walaupun berhadapan dengan cabaran daripada peningkatan kes Covid-19.

"Peningkatan kes itu telah menyebabkan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Proklamasi Darurat sekali gus mendorong ketidakpastian terhadap harapan pemulihan ekonomi domestik yang kukuh," katanya dalam kenyataan semalam.

Kedua-dua ICP dan CCP ditetapkan pada harga kompetitif Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (LIBOR) tiga bulan yang sepadan, ditolak dua mata asas (bps) atau bersamaan dengan 1.92 peratus pada penetapan LIBOR pada tarikh ditetapkan.

Ia mewakili 19 bps yang tersebar di atas Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) yang sepadan.

CMTN pula ditetapkan pada harga sebaran 37 dan 52 bps di atas Sekuriti Kerajaan Malaysia yang sepadan.